SIARAN MEDIA / *MEDIA RELEASE*

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA

Ucapan tahniah kepada Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia Dari 1 Julai 2018 sehingga 30 Jun 2023

Kementerian Kewangan telah diarahkan untuk mengumumkan bahawa Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 19 Jun 2018 telah memperkenan cadangan YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad untuk melantik Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) yang baharu.

YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir telah mengemukakan cadangannya pada 18 Jun 2018 kepada Yang di-Pertuan Agong bahawa Datuk Nor Shamsiah dilantik sebagai Gabenor BNM selama tempoh lima tahun berkuatkuasa mulai 1 Julai 2018 hingga 30 Jun 2023.

Datuk Nor Shamsiah adalah Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia dari 2010 hingga 2016. Baru-baru ini beliau berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Bahagian Kewangan dan Pasaran Modal Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Sebagai Timbalan Gabenor, Datuk Nor Shamsiah bertanggungjawab ke atas penyeliaan perbankan, insurans dan Takaful, perisikan kewangan dan penguatkuasaan, pengurusan bakat, kewangan dan perkongsian perkhidmatan di BNM.

Kementerian Kewangan Malaysia, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 WP Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8882 3893 / 03-8882 3894 Emel: pro@treasury.gov.my

Datuk Nor Shamsiah merupakan seorang lepasan University of South Australia dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Perakaunan dan seorang Akauntan Bertauliah (CPA).

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan
Putrajaya
22 June 2018